



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	20/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	TNB		

Kosmo, 20  
Ogos  
2021, 31



### TNB tawar insentif Hari Kebangsaan

**PETALING JAYA** – Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64 tahun ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menawarkan Insentif Sinaran Merdeka bagi menggalakkan pengguna komersial menerangi bangunan dan kawasan persekitaran mereka dengan lampu hiasan.

Insentif yang ditawarkan sejak tahun 2000 itu diberikan kepada semua pengguna di bawah tarif perdagangan (tariff B, C1 dan C2) yang telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun (sebelum 1 Ogos 2020), untuk tempoh dua bulan iaitu Ogos dan September 2021.

TNB berkata, ia melibatkan pengguna komersial seperti bangunan pencakar langit, bangunan pejabat, kompleks komersial, kompleks beli-belah, hotel dan stesen minyak.

"Kadar insentif adalah 20.8 sen/kilowattjam (mengikut kadar tarif Neon & Floodlight) bagi jumlah peningkatan penggunaan elektrik yang melebihi purata kegunaan tiga bulan yang diambil dari bulan Mei, Jun dan Julai 2021.

"Manfaat insentif khas ini akan dimasukkan ke dalam bil bulan Oktober 2021 yang akan dipaparkan sebagai diskaun karnival," katanya dalam satu kenyataan.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

